

04/12/1997

Pengguna merungut harga barang keperluan harian naik

KUALA LUMPUR, Rabu - Pengguna, terutama suri rumah merungut berikutan kenaikan beberapa barangan keperluan harian di pasar serta kompleks beli-belah di bandar raya ini sejak akhir-akhir ini.

Ini berikutan kenaikan harga barangan bukan saja membabitkan barangan terkawal seperti beras dan minyak masak malah barangan harga terkawal seperti tepung, gula dan susu pekat manis.

Mereka mendesak kerajaan supaya mempercepatkan tindakan mengawal kenaikan harga barangan bagi menjamin keadilan pengguna, khususnya di kalangan golongan berpendapatan rendah.

Tinjauan Berita Harian mendapati ramai peniaga tidak mengendahkan amaran kerajaan dan menaikkan harga barangan keperluan sehingga 100 peratus di beberapa kompleks membeli-belah dan kedai runcit di ibu kota.

Beras Super 10 kilogram berharga RM14.50 bulan lalu tetapi kini berharga antara RM16.50 dan RM23.50; susu pekat manis seberat 397 gram dijual pada harga RM1.65 meningkat kepada RM1.80.

Turut mengalami perubahan harga ialah tepung yang dijual pada kadar RM1 kepada RM1.30 dan RM2.40, gula dijual pada harga RM1.20 kepada RM1.50.

Ini menunjukkan sesetengah peniaga ingkar terhadap amaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak menaikkan kadar harga barangan keperluan harian bagi menjamin keadilan pengguna ketika keadaan negara menghadapi kesan kejatuhan ringgit.

Kelmarin, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menaikkan barangan dan mengecam peniaga terbabit kerana tindakan mereka hanya menyusahkan pekerja bergaji tetap selain memburukkan lagi keadaan serta melemahkan ekonomi negara.

Seorang suri rumah, Aisyah Abd Rahman, 50, berkata kadar harga kebanyakan barangan keperluan harian meningkat sama ada yang dijual di pasar mahu pun di pasar raya.

Contohnya, harga beras Super seberat lima kilogram RM7.80 kini naik sehingga RM9.50, manakala bawang naik dari RM1.20 sekilogram kepada RM2.40, kata ibu kepada dua orang anak itu.

Suri rumah, Mary Krishnan, 50, berpendapat kenaikan harga barang keperluan, termasuk barangan tempatan seperti minyak masak tidak bertepatan dengan membeli barangan Malaysia.

Pesara kerajaan, Jaafar Abdul Majid, 76, dari Damansara, meminta kerajaan mempercepatkan tindakan penguatkuasaan mengawasi serta mengawal harga barangan supaya rakyat tidak dibebani dengan masalah yang sama.

"Pihak berkuasa perlu mengadakan pemeriksaan penguatkuasaan secara berterusan dalam usaha mengatasi masalah kenaikan harga barangan keperluan harian masa kini," katanya.

Shirin Shahrul, 32, seorang Setiausaha di Tenaga Nasional Berhad, berkata kebanyakan barangan runcit mengalami kenaikan harga dan sesetengahnya sukar diperolehi di pasaran.

"Bawang, beras dan sayur-sayuran dan ikan dijual pada kadar harga yang agak tinggi dan kenaikan harga begitu ketara dalam tempoh dua minggu ini," katanya.

(END)